

KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN
TARIKH: 10 OKTOBER 2015 (SABTU)

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Tingkat daya saing, pacu sektor E&E	Berita Harian
2.	Mosti henti sementara pembenihan awan di seluruh negara – Abu Bakar	BERNAMA
3.	Ekosistem semikonduktor Malaysia lengkap, bersedia berkhidmat kepada industri	BERNAMA
4.	Data eksport Ogos rangsang sentimen positif terhadap ringgit - Mustapa	BERNAMA
5.	Semiconductor ecosystem taking shape	New Straits Times
6.	Didik minat sains angkasa	Berita Harian
7.	Ribut petir di perairan Sarawak, Sabah berterusan sehingga awal petang ini	BERNAMA
8.	Malaysia sedia bantu Indonesia dari segi kepakaran – Wan Junaidi	BERNAMA

Tingkat daya saing, pacu sektor E&E

► **Projek GMC, Makmal Analisis Material dan Kegagalan sedia ekosistem menyeluruh**

Oleh Mahanum Abdul Aziz
mahanum_aziz@bh.com.my

Malaysia kini mempunyai ekosistem menyeluruh yang diperlukan industri semikonduktor susulan pelancaran projek Pengawal Pergerakan Hijau (GMC) serta Makmal Analisis Material dan Kegagalan yang dibangunkan MIMOS Bhd bersama peserta industri, semalam.

Ekosistem menyeluruh itu merangkumi fabrikasi, reka bentuk, pembungkusan dan ujian yang dijangka membantu meningkatkan daya saing negara serta membolehkan sektor elektrik dan elektronik (E&E) mencapai sasaran pendapatan negara kasar



Mustapa bersama Madius (tiga dari kiri) dan Abdul Wahab (kanan) mendengar penerangan selepas pelancaran projek GMC serta Makmal Analisis Material dan Kegagalan di Kuala Lumpur, semalam. [FOTO MUHD ASYRAF SAWAL]

(PNK) yang ditetapkan menjelang tahun 2020.

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Mustapa Mohamed, berkata sektor E&E kekal menjadi pemacu utama ekonomi negara dengan lebih sejuta rakyat negara ini kini beker-

ja dalam sektor berkenaan.

Kurangkan kebergantungan

Katanya, sektor berkenaan juga menjadi penyumbang terbesar kepada negara dari segi pertumbuhan eksport, pelaburan dan jumlah pekerjaan.

Beliau berkata, kerajaan melaksanakan 27 projek di bawah Projek Permulaan (EEP) di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) E&E yang pelaksanaannya kini menepati masa serta berada di landasan kukuh untuk mencapai objektif dan hasilnya.

"Dengan adanya projek GMC serta Makmal Analisis Material dan Kegagalan, membolehkan syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) menggunakan kemudahan itu untuk menghasilkan produk mereka.

"Malah, ia juga membolehkan mereka mengurangkan kos pengeluaran dan kecacatan produk serta menyediakan lebih masa untuk memasarkan produk tanpa bergantung kepada makmal asing," katanya pada pelancaran projek berkenaan di Kuala Lumpur, semalam.

Yang turut hadir Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Seri Panglima Madius Tangau serta Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS, Datuk Abdul Wahab Abdullah.

Majlis pelancaran itu turut menyaksikan pertukaran memorandum persefahaman (MoU) antara MIMOS dan industri tempatan dalam mengkomersialkan dua projek berkenaan.

Projek GMC membolehkan lebih banyak aplikasi tenaga yang berkesan untuk kegunaan perkakas rumah dan industri seperti kenderaan elektrik hibrid, elevator, penyalaman udara dan peti sejuk.



Mosti Henti Sementara Pembenihan Awan Di Seluruh Negara - Abu Bakar

MELAKA, 10 Okt (Bernama) -- [Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi \(Mosti\)](#) menangguhkan proses pembenihan awan untuk sementara waktu berikutan keadaan jerebu yang semakin pulih di seluruh negara sejak beberapa hari lepas.

[Timbalan Menterinya Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah](#) berkata proses pembenihan awan itu hanya akan diteruskan semula sekiranya kualiti udara kembali berada pada tahap tidak sihat berdasarkan Indeks Pencemaran Udara (IPU).

"IPU di seluruh negara kini semakin menurun dan jerebu dijangka terus berkurangan dan pulih dalam beberapa minggu akan datang," katanya kepada pemberita selepas melancarkan Hari Sukan Negara peringkat daerah Melaka Tengah di Ayer Keroh di sini, hari Sabtu.

eliau berkata demikian ketika diminta mengulas perkembangan proses pembenihan awan yang dijalankan di negara ini ekoran keadaan jerebu.

Mengulas lanjut, katanya Mosti telah membelanjakan kira-kira RM1.5 juta bagi melaksanakan proses pembenihan awan di seluruh negara sehingga semalam.

Sementara itu, Abu Bakar berkata pihaknya menyambut baik bantuan kerajaan untuk memadamkan kebakaran di Indonesia.

"Ini adalah satu pendekatan yang baik bukan sahaja untuk kedua-dua negara tetapi juga negara jiran yang lain kerana ia membabitkan kesihatan rakyat," katanya.

Dalam pada itu, beliau yang merupakan Ahli Parlimen Tangga Batu berkata Hari Sukan Negara peringkat daerah Melaka Tengah yang dijalankan hari ini menyasarkan penyertaan kira-kira 5,000 orang melalui 21 aktiviti sukan yang dijalankan.

-- BERNAMA



Ekosistem Semikonduktor Malaysia Lengkap, Bersedia Berkhidmat Kepada Industri

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Ekosistem semikonduktor Malaysia sudah lengkap dan bersedia menawarkan kemudahannya untuk bekerja dengan industri, kata [Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif MIMOS Bhd, Datuk Abdul Wahab Abdullah](#).

Menurutnya, MIMOS, pusat penyelidikan dan pembangunan negara dalam teknologi maklumat dan komunikasi, kini menjadi makmal besar dengan kemudahan lengkap daripada mereka bentuk, fabrikasi, pembungkusan dan ujian.

"Kami akan bekerja dengan industri, terutama perusahaan kecil dan sederhana dan menjimatkan kos mereka daripada mengimport perkhidmatan," katanya kepada pemberita pada pelancaran cip Pengawal Gerakan Hijau dan Makmal Analisis Kegagalan.

Abdul Wahab berkata, MIMOS telah menyiapkan enam projek diberikan kepadanya sebagai pemboleh untuk industri elektrik dan elektronik.

"Penyiapan projek terbabit bermakna satu perkhidmatan semikonduktor yang lengkap kini boleh diperoleh di negara ini dan ia dijangka meningkatkan tahap daya saing negara dan membolehkannya diguna pakai secara komersil," katanya.

Eksport produk elektrik dan elektronik Malaysia untuk Januari hingga Ogos 2015 berkembang 7.4 peratus kepada RM177.7 bilion berbanding RM165.5 bilion dalam tempoh yang sama tahun lepas.

-- BERNAMA



Data Eksport Ogos Rangsang Sentimen Positif Terhadap Ringgit - Mustapa

KUALA LUMPUR, 9 Okt (Bernama) -- Data eksport Ogos 2015 yang menunjukkan pertumbuhan bagi tiga bulan berturut-turut, memberi sentimen positif dalam kalangan pelabur asing dan tempatan serta mengukuhkan ringgit, kata Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI), Datuk Seri Mustapa Mohamed.

Beliau berkata prestasi eksport daripada data Ogos yang dikeluarkan pada Rabu oleh kementerian itu menunjukkan terdapat lebihan yang besar iaitu kira-kira RM10 bilion.

Katanya, rundingan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang dimuktamadkan, walaupun masih belum ditandatangani, juga menyumbang kepada sentimen positif.

Rundingan TPPA dimuktamadkan pada Isnin dan pihak-pihak berkenaan bersetuju untuk mempertimbangkan hampir kesemua kebimbangan dan sensitiviti yang dibangkitkan Malaysia seperti pemerolehan kerajaan, perusahaan milik negara dan agenda bumiputera.

"Ia akan melalui proses yang panjang sebelum kita menandatangani perjanjian itu," kata Mustapa ketika ditanya mengenai tarikh yang tepat untuk Malaysia memeterai perjanjian berkenaan.

Beliau berkata demikian kepada pemberita semasa pelancaran Makmal Kawalan Gerakan dan Analisis Kegagalan Hijau ketika melawat [MIMOS Bhd](#), pusat penyelidikan dan pembangunan negara bagi teknologi maklumat dan komunikasi di sini, Jumaat.

Pada Rabu, MITI melaporkan dagangan keseluruhan Malaysia pada Ogos 2015 bernilai RM122.86 bilion, susut 0.8 peratus berbanding setahun lepas.

Daripada jumlah ini, pertumbuhan eksport adalah pada 4.1 peratus atau RM2.64 bilion kepada RM66.53 bilion, manakala import susut 6.1 peratus kepada RM56.34 bilion, menjadikan lebihan sebanyak RM10.19 bilion.

"Ini merupakan bulan ke-214 berturut-turut lebihan dagangan sejak November 1997," kata MITI, dengan menambah, berdasarkan perbandingan bulanan, eksport meningkat 5.2 peratus manakala import susut 7.4 peratus.

Menurut MITI, eksport pada Ogos merupakan nilai dagangan bulanan tertinggi yang direkodkan setakat ini tahun ini, disokong oleh peningkatan eksport ke China, Amerika Syarikat, Kesatuan Eropah, Thailand, Singapura, Vietnam, dan Filipina.

Pada penutup Jumaat, ringgit meningkat untuk disebut pada 4.1310/1400 berbanding dolar AS.

Semiconductor ecosystem taking shape

BUKIT JALIL: MIMOS unveiled the Green Motion Controller (GMC) chip, a technological breakthrough which will help realise Malaysia's semiconductor ecosystem ambitions.

The chip, jointly developed with the private sector, is now available for companies to adopt commercially.

The GMC will enable more energy efficient applications for industrial and home appliance use such as in

hybrid electric vehicles, elevators, air-conditioners and refrigerators.

International Trade and Industry Minister Datuk Seri Mustapa Mohamed said the GMC project has benefited local SMEs with potential commercialisation value of RM50 million within the next five years.

"The project is also expected to create high-skilled jobs such as design engineers, product engineers

and application engineers in semiconductor industries."

The electrical and electronics sector currently employs more than one million Malaysians.

He was speaking after a memorandum of understanding exchange between MIMOS and several local SMEs for failure and material analysis collaboration as well GMC commercialisation.

Didik minat sains angkasa

» 20 murid
diberi peluang
bercakap dengan
angkasawan
NASA di ISS

Oleh Nas Norziela Nasbah
nasnorziela@bh.com.my

► Kuala Lumpur

Peluang berkomunikasi secara langsung bersama-sama angkasawan di Stesen Angkasa Antarabangsa (ISS), mampu menarik minat generasi muda dalam bidang sains seterusnya menanam minat mereka dalam kerjaya berkaitan sains dan teknologi angkasa.

Ketua Pengarah Agensi Angkasa Negara (ANGKASA), Dr Noordin Ahmad, berkata inisiatif membawa murid sejak beberapa tahun lalu untuk berkomunikasi dengan angkasawan di ISS, berjaya menambah minat mereka dalam bidang sains angkasa.

Katanya, program itu sebahagian daripada usaha ANGKASA bagi memberi pendeda-



Murid berkomunikasi secara langsung dengan Lindgren di Stesen Angkasa Antarabangsa dari Planetarium Negara, semalam.
[FOTO ZUNNUR AL SHAFIQ/BH]

han kepada masyarakat terutama generasi muda berhubung keistimewaan bidang sains dan teknologi angkasa lepas.

Teroka sains angkasa

"Ia secara tidak langsung menggalakkan minat generasi muda menerokai bidang sains angkasa, selain dapat menambahkan jumlah bilangan tenaga mahir tempatan pada masa depan," katanya.

Beliau ditemui pada Program Komunikasi Secara Langsung dengan Angkasawan NASA, Dr Kjell N Lindgren di Planetarium Negara, semalam.

Program anjuran ANGKASA, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) itu sebahagian daripada aktiviti sempena Sambutan Minggu Angkasa Sedunia yang berlangsung dari 4 Oktober lalu hingga hari ini. Seramai 20 murid dari Sekolah Kebangsaan (SK) Bukit Damansara, SK Sultan Hishamuddin Alam Shah dan SK St John 2, berpeluang berkomunikasi selama 11 minit bersama angkasawan ke-217 yang berada di ISS.

Noordin berkata, sepanjang sesi komunikasi itu, angkasawan ISS menjawab pelbagai soalan dikemukakan murid

berhubung pengalaman dan kehidupan di angkasa lepas.

Sesi komunikasi dan sistem radio amatir itu diuruskan Pengendali Satelit Stesen Bumi, Sangat Singh dan Pengendali Bersama, Sion Chow QC.

Antara soalan dikemukakan ialah 'adakah sukar untuk makan', adakah boleh bercucuk tanam di angkasa lepas', 'adakah anda boleh berkomunikasi dengan mudah dan pada bila-bila masa dengan keluarga', 'adakah anda berpeluh sepanjang berada di angkasa lepas' serta 'adakah anda menjalankan kajian di angkasa lepas'.

BERITA ONLINE
BERNAMA.COM
TARIKH: 10 OKTOBER 2015 (SABTU)



Ribut Petir Di Perairan Sarawak, Sabah Berterusan Sehingga Awal Petang Ini

KUALA LUMPUR, 10 Okt (Bernama) -- Ribut petir di kawasan perairan Sarawak dan Sabah dijangka berterusan sehingga awal petang Sabtu.

Menurut kenyataan [Jabatan Meteorologi Malaysia](#) pagi ini, kawasan yang terlibat ialah Rejang, Mukah, Bintulu dan Miri di Sarawak serta Kudat di Sabah.

Keadaan ini boleh menyebabkan angin kencang sehingga 50kmsj dan laut bergelora dengan ombak mencapai ketinggian sehingga 3.5 meter yang berbahaya kepada bot-bot kecil.

-- BERNAMA



Malaysia Sedia Bantu Indonesia Dari Segi Kepakaran - Wan Junaidi

TANJUNG MALIM, 9 Okt (Bernama) -- Malaysia sedia menghulurkan bantuan kepakaran maklumat serta aset kepada Indonesia bagi menangani masalah pembakaran ladang dan hutan secara terbuka di negara itu dalam usaha mengatasi masalah jerebu.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata Jabatan Alam Sekitar akan membekalkan data tompok panas kebakaran serta penghantaran tenaga pakar bagi fasa kedua, tertakluk kepada permintaan pihak Indonesia.

Katanya, kerajaan Malaysia juga akan menghantar pesawat bagi menggugurkan bom air bagi memadamkan kebakaran di kawasan yang luas di negara itu.

"Saya telah menghubungi Menteri Luar Indonesia dan beliau telah menyatakan bentuk bantuan yang mereka perlukan daripada Malaysia," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Kejohanan Sukan Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar kali keenam di Stadium Proton City, di sini hari ini.

Menurutnya kementeriannya akan membantu menyelaras usaha dengan Kementerian Pertahanan dan Majlis Keselamatan Negara dalam menghulurkan bantuan yang diperlukan oleh Indonesia.

Beliau turut berkata Jabatan Meteorologi meramalkan hujan lebat akan melanda Sumatera dan Kalimantan, dua kawasan banyak tompok panas, di Indonesia, bulan depan.

-- BERNAMA